

BAB II

HUKUM PUSAKA ISLAM

2.1 Pengenalan

Cara pembahagian hukum pusaka Islam yang bersumberkan wahyu Allah SWT. menjamin keadilan dan persamaan hak di kalangan Masyarakat Muslim. Ia memberi kesan kepada keharmonian sesebuah keluarga, sehingga mereka dapat hidup damai, mesra, dan jauh dari sebarang pertikaian yang berpunca daripada keegoan sesetengah individu dalam keluarga yang mahu mendapatkan bahagian yang lebih dari harta yang telah ditinggalkan oleh pewaris.

2.2 Dasar Hukum Pusaka Islam.

Hukum pusaka Islam bersandarkan pada al-Qur'an, hadis nabi dan ijma'.

1. Al-Qur'an.

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ
الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ ۗ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

Maksudnya: “Bagi orang laki-laki ada hak bagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan”. (Surah al-Nisa: 7)

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ ۗ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ
أُثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۗ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۗ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ
وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۗ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُ وَلَدٌ

وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ مِنْ بَعْدِ
 وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۗ أَبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا
 ۚ فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٢﴾ ۖ وَلَكُمْ نِصْفُ مَا
 تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ ۚ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ
 الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۚ وَلَهُنَّ
 الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ يَكُن لَكُمْ وَلَدٌ ۚ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ
 الثُّمْنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ ۚ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۗ وَإِنْ كَانَ
 رَجُلٌ يُورِثُ كَلِيلَةً أَوْ امْرَأَةً أَوْ وَلَدًا أَوْ أُخًا أَوْ أُخْتًا فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا
 السُّدُسُ ۚ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ ۚ مِنْ بَعْدِ
 وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ ۚ وَصِيَّةً مِنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: "Allah mensyari'atkan bagimu tentang (pembagian pusaka untuk) anak-anakmu yaitu : bahagian seorang anak lelaki sama dengan bagahian dua orang anak perempuan; dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua [273], maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta. dan untuk dua orang ibu-bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (saja), maka ibunya mendapat sepertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. (Pembagian-pembagian tersebut di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

12. Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat

atau (dan) sesudah dibayar hutangnya, para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu, jika seseorang mati, baik laki-laki mahupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syari'at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun". (Surah al-Nisa: 11-12)

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ ۚ إِنَّ امْرَأًا هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وُلْدٌ وَلَا هِيَ
 أُخْتُ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وُلْدٌ ۚ فَإِنْ كَانَ ثَلَاثَتِ
 فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِنْ كَانُوا إِحْوَةَ رِجَالٍ فَالذَّكَرُ مِثْلُ حَظِّ
 الْأُنثَيَيْنِ ۗ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَن تَضِلُّوا ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٧٦﴾

Maksudnya: "Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah (yaitu): Jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya, dan saudaranya yang laki-laki mempusakai (seluruh harta saudara perempuan), jika ia tidak mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal, dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara laki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara laki-laki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu, supaya kamu tidak sesat. dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu". (Surah al-Nisa: 176)

2. Hadith.

Ada banyak hadith menerangkan tentang pewarisan di antaranya:

لا يرث المسلم الكافر ولا الكافر المسلم (متفق عليه)

Maksudnya: “Orang islam tidak dapat mempusakai harta orang kafir, dan orang kafir pula tidak dapat mempusakai harta orang muslim”.¹

Dan hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad dan Abū Dāūd

لا يتوارث أهل الملتين شيئا

Maksudnya; “Tidak akan saling mewarisi sesuatu apapun antara keluarga dari dua agama.”²

Dan hadith lain riwayat imam Aḥmad dan al-Nasāi

و من قتل قتيلا فإنه لا يرثه وإن لم يكن له وارث غيره فليس لقاتل ميراث

Maksudnya: “Barang siapa membunuh seorang korban, maka ia tidak dapat mempusakainya, walaupun si korban tidak mempunyai pewaris selainnya, dan jika si mangsa itu bapanya atau anaknya, maka bagi pembunuh tidak berhak menerima harta peninggalan”.³

3. Ijma'. Para sahabat dan tabi'in telah bersepakat bahawa bahagian seorang nenek adalah seperenam, begitu juga jika berdua atau bertiga.⁴

¹ Hadis riwayat Usāmah bin Zayd ini dinyatakan sahih. Walaupun ada sebahagian ulamak menyatakan bahawa Imām al-Nasāi dan Imām Muslim tidak meriwayatkan hadis ini, tidak mengurangkan kesahihannya kerana pernyataan tersebut salah dan tidak berasas. Lihat; ‘Umar bin ‘Alī bin al-Mulqin al-Anṣārī (1410 H.), *Khalāṣat al-Badr al-Munīr*, Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, j.2, h. 135

² Hadith ini dikeluarkan oleh Imam Aḥmad dan al-Nasāi daripada riwayat ‘Amr bin Shu’ayb daripada ayahnya daripada datuknya. Lihat; Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t) *al-Dirāyah Fī Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*, Beirut: Dār al- Ma’rifah, J. 2, h. 298.

³ Bayhaqī, Aḥmad bin al- Ḥusaynī bin ‘Alī bin Mūsā Abu Bakar al- (1994), *Sunan Bayhaqī al-Kubrā*, Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, J 8. h. 220.

⁴ Wahbah Zuḥaylī (1985), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhū*, Damsyik: Dār al-Fikr, j. 8, h. 246.

2.3 Rukun Pewarisan

Dalam hukum pusaka Islam, proses penggantian atau perpindahan hak dan kewajiban seseorang yang meninggal dunia kepada ahli warisnya tidak akan dapat dilaksanakan kecuali bila unsur-unsurnya telah dipenuhi. Ada tiga unsur yang mesti ada dalam pembahagian harta pusaka iaitu: Pewaris, ahli waris, dan harta pusaka.

Pertama; Pewaris, maksudnya ialah orang yang telah meninggal dunia yang meninggalkan kekayaan sama ada kekayaan itu sedikit atau banyak. Di sini, disyaratkan harus bagi orang yang telah meninggal dunia tersebut telah pun meninggalkan kekayaan, kerana hukum waris tidak akan dipersoalkan jikalau orang yang telah meninggal dunia tersebut tidak meninggalkan harta benda. Harta kekayaan dalam masalah pusaka merupakan pokok permasalahan.⁵

Kedua; Ahli waris, maksudnya seluruh anggota keluarga orang yang meninggal dunia yang menggantikan kedudukan dan kekayaan pewaris disebabkan meninggalnya pewaris dengan sebab-sebab tertentu dan tidak melakukan sesuatu yang dapat menghalanginya. Anggota keluarga itu di antaranya:

1. Menurut hubungan darah,

- a. Anak-anak beserta keturunannya sampai darjat tidak terhad baris ke bawah dari

orang yang meninggal dunia sama ada laki-laki mahupun perempuan.

⁵ *Ibid.*, (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 248.

- b. Orang tua iaitu ibu bapa kepada orang yang telah meninggal dunia.
 - c. Datuk jika tidak ada bapa.
 - d. Saudara-saudara beserta keturunannya sama ada lelaki mahupun perempuan.
2. Menurut hubungan perkahwinan yang sah iaitu janda atau duda.
 3. Apabila tidak ada ahli waris sama sekali sama ada menurut hubungan darah atau menurut hubungan perkahwinan, maka harta pusaka diserahkan kepada baitulmal atau suatu badan yang menguruskan harta peninggalan.

Ketiga; Harta pusaka, iaitu harta kekayaan yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia. Ia tidaklah secara automatik menjadi harta pusaka yang dapat dibahagikan terus kepada ahli waris. Ada beberapa perkara yang mesti diperhatikan, antaranya adakah orang yang telah meninggal dunia tersebut mempunyai perjanjian hutang piutang yang belum dilunaskan dengan sesuatu pihak lain semasa hidupnya. Juga biaya-biaya lain yang digunakan untuk keperluan pemakaman oleh pewaris. Selain daripada itu, status hukum perkahwinannya juga harus diperhatikan.⁶

2.4 Sebab dan Syarat-syarat Pewarisan

Sebab dari pewarisan menurut pendapat majoriti ulama Fiqh ada 3 iaitu adanya hubungan keluarga dekat, atau adanya ikatan perkahwinan yang sah dan juga wala'.

1. Hubungan keluarga dekat: Ikatan nasab yang terjadi kerana adanya kelahiran antara pewaris dan waris. Ini adalah sebab yang paling kuat dalam pewarisan.
2. Pernikahan. Jumhur fuqaha' mensyaratkan pernikahan yang menjadi sebab dan syarat pewarisan hendaklah melibatkan pernikahan yang sah untuk

⁶ *Ibid.*, Jilid 8 h. 249.

mengecualikan pernikahan yang fasid. Sebagai contohnya, seseorang yang menikahi saudara susuannya tanpa mengetahuinya. Maka, pernikahan ini adalah batil dan harus dipisahkan tanpa talaq dan tidak boleh menjadi sebab dan syarat dalam pewarisan.⁷

3. *Walā'*, iaitu hubungan kasih sayang seseorang kepada seseorang yang lain sebagaimana kaum kerabat. *Al Walā'* ada dua jenis: Pertama, *Walā' al 'Ataqah* iaitu perhubungan di antara tuan dengan hamba yang dibebaskan. Kedua *Walā' al-Muwālah* iaitu ikatan akad atau perjanjian di antara dua orang yang apabila salah seorang dari keduanya melakukan jenayah, harus membayar diyat bagi seorang yang lain dan mereka saling mewarisi. Akan tetapi, menurut majoriti ulama fiqh, *walā'* ini sudah tidak dipakai lagi, kerana merupakan amalan jahiliah dan ianya telah dimansuhkan setelah kedatangan Islam.⁸ Akan tetapi, sebab-sebab pusaka mempusakai itu tidak ada *athar* (kesan) atau pengaruhnya kecuali jika hanya beberapa syarat ini dipenuhi:

Pertama, meninggalnya *muwarrith* (pewaris) sama ada meninggal secara *ḥaqīqī* (sebenarnya), atau *ḥukmī* (pernyataan Kadi), atau *taqdīrī* (sangkaan). Ini kerana, seseorang yang hidup masih lagi berkuasa penuh terhadap harta kekayaan yang dimilikinya. Meninggal secara *ḥaqīqī* iaitu hilangnya nyawa seseorang yang sebelumnya nyawa itu sudah ada padanya. Hal ini boleh dipastikan dengan kesaksian orang di sekitarnya atau dengan pembuktian seperti ikut memandikan dan menguburkannya. Meninggal *ḥukmī*, iaitu suatu kematian yang disebabkan adanya keputusan kadi sama ada pada hakikatnya seorang benar-benar masih hidup mahupun dalam dua

⁷ Muḥammad Bakr Ismā'il (1997), *al-Fiqh al-Wāḍiḥ min al-Kitābi wa al-Sunnah 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, Kaherah: Dār al-Manār, Jilid. 3, hal. 142-143.

⁸ Muḥammad Abū Zahrah (1963), *Aḥkam al-Tirkāt wa al-Mawāriḥ*, Kaherah: Dār al-Fikr, h. 76.

kemungkinan antara hidup dan mati.. Contohnya adalah keputusan dan pernyataan kematian terhadap *mafqud* (orang yang hilang) yang tidak diketahui khabar beritanya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia. Meninggal *taqdīrī* pula adalah seperti meninggalnya bayi yang baru dilahirkan akibat terjadi pukulan terhadap perut ibunya ketika masih dalam kandungan. Meninggal seperti ini bukan meninggal *ḥaqīqī* kerana ia belum pernah mengalami kehidupan yang sebenar. Juga bukan termasuk meninggal *ḥukmī* kerana tidak ada keputusan hakim yang menghukumi atas kematiannya. Disebut meninggal *taqdīrī* (sangkaan) pada kes meninggalnya bayi yang baru lahir kerana disangka secara pasti bahawa penyebab berlakunya kematian terhadap bayi tersebut adalah disebabkan pukulan terhadap perut ibunya semasa ia masih dalam kandungan.⁹ Para *fuqahā'* telah bersepakat apabila bayi baru lahir meninggal dunia disebabkan suatu tindakan jenayah terhadap ibunya, maka wajib bagi orang yang melakukan jenayah itu membayar ganti rugi atau denda yang biasa disebut *al-Ghurrah* sebanyak lima ratus dirham atau lima puluh dinar.¹⁰

Kedua, ahli waris secara jelas masih hidup ketika pewaris meninggal dunia. Syarat pertama dan kedua melibatkan perkara yang perlu diselesaikan disebabkan adanya keraguan tentang hidup atau matinya orang yang saling mewarisi. Keraguan mengenai hidup matinya seseorang yang saling mewarisi dapat membawa kesan hukum berikut:

- a. Masalah *mafqud* atau orang yang hilang. Masalah ini timbul apabila orang yang hilang itu tidak diketahui sama ada tempatnya dan sama ada ia masih hidup atau

⁹ Muḥammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 80.

¹⁰ Wahbah Zuhaylī (1985), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, Damsyik: Dār al-Fikr, Jilid. 8, h. 253.

telah meninggal dunia pada saat pewaris meninggal. Dalam hal ini, *fuqahā* berbeza pandangan dalam menetapkan tempoh umur orang yang hilang. Ada yang mengatakan 70, 90, bahkan 120 tahun. Bagi mereka yang menetapkan umur yang agak tinggi, ia bertujuan untuk menjaga hak-hak orang hilang tersebut apabila ternyata orang yang disangka hilang itu kemudiannya didapati masih hidup. Adapun *fuqahā* yang menetapkan umur yang relatif pendek, ia berpandukan kepada umur kebiasaan orang sewaktu meninggal dunia. Cara pembahagian harta pusaka dalam kes orang yang hilang, apabila ia mempunyai satu-satunya ahli waris adalah dengan menyimpan harta peninggalan sehingga tempoh waktu yang ditentukan. Apabila terbukti ia telah meninggal, barulah harta tersebut dibahagikan kepada ahli warisnya. Dan apabila orang yang hilang itu pula sebagai sebagai ahli waris sedangkan terdapat juga ahli waris yang lain, maka untuk menjaga kebarangkalian ia masih hidup, bahagian pusakanya ditahan dahulu sehingga tempoh waktu yang ditentukan. Bila ia kembali selepas itu (sebelum habis tempoh waktunya), bahagiannya yang ditahan tersebut akan diserahkan kepadanya. Akan tetapi, bilamana terbukti ia telah meninggal, maka bahagiannya yang ditahan tersebut akan dikembalikan semula kepada ahli waris yang lain mengikut bahagiannya.¹¹

- b. Masalah meninggal serentak. Apabila meninggal dua orang atau lebih dari orang yang saling pusaka mempusakai secara serentak atau tidak diketahui siapa di antara mereka yang meninggal terlebih dahulu dan siapa yang kemudian (sebagai contohnya meninggal dalam peristiwa tenggelamnya kapal/kebakaran/seumpama

¹¹ Abd. Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah al- Maqdisī Abū Muḥammad, (1405h) *Al Mugnī*, Bairut: Dār al-Fikr, j. 6, h. 263.

dengannya sedangkan tidak ada kepastian tentang siapa yang meninggal terlebih dahulu), maka di antara mereka tidak dapat saling mewarisi kerana waris tidak hidup ketika pewaris meninggal dan seluruh harta pusaka dibahagikan kepada ahli waris yang benar-benar masih hidup ketika pewaris meninggal.¹² Keadaan dan hukum yang sama berlaku pada kes kematian dua orang ahli waris di dua tempat berlainan pada masa yang sama, atau kematian yang disyaki dan tidak dapat dipastikan sama ada berlaku pada masa yang sama atau berlainan. Pandangan inilah yang banyak digunapakai oleh para *fuqaha'*.¹³ Adapun proses pembahagian harta kepada ahli waris yang meninggal bersama adalah sebagaimana berikut: *Pertama*, harta masing-masing ahli waris yang meninggal bersama dibahagikan kepada mereka yang masih hidup tanpa mengambil kira bahagian yang sepatutnya diterima oleh ahli waris yang meninggal bersama. Contohnya seorang lelaki meninggal bersama dengan anak lelakinya dan dia ada meninggalkan ahli-ahli waris yang terdiri dari isteri dan seorang anak perempuan, maka pertamanya harta itu hendaklah dibahagikan kepada isteri dan anak perempuannya iaitu dengan melupakan bahagian pusaka anak lelakinya yang meninggal bersama dengannya, kemudiannya harta anak lelaki tersebut dibahagikan kepada ibu dan saudara perempuannya iaitu dengan melupakan bahagian pusaka bapa yang meninggal bersamanya itu. *Kedua*, jika terbukti salah seorang dari mereka yang dikatakan meninggal bersama itu sebenarnya telah meninggal terlebih dahulu dari yang lain, maka pertamanya hendaklah harta ahli waris yang meninggal terdahulu dibahagikan kepada ahli warisnya, termasuk ahli

¹² Muhammad Bakar Ismā'il (1997), *op.cit.*, h. 142.

¹³ Muhammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 81.

waris yang meninggal terkemudian darinya. Setelah itu, dibahagikan pula harta ahli waris yang meninggal terkemudian iaitu termasuklah harta yang baru dipusakainya kepada ahli-ahli waris yang ada, kecuali kepada ahli waris yang meninggal terlebih dahulu darinya.¹⁴

- c. Masalah hak janin. Anak dalam kandungan berhak menerima bahagiannya apabila ia hidup di saat meninggalnya pewaris dan kemudian ianya dilahirkan oleh ibunya mengikut masa yang telah ditetapkan oleh syariat dalam keadaan hidup, di antaranya ditandai dengan tangisan bayi, sebagaimana yang disabdakan Rasulullah:

إذ استهل الصبي ورث وصلى عليه

Ertinya: *Apabila anak yang baru lahir bersuara, maka dia diberi pusaka.*¹⁵

Hal ini disebabkan kelahirannya dalam keadaan hidup adalah sebagai bukti bahawa ia benar-benar hidup di saat pewaris meninggal dunia. Namun jika ia mati ketika dilahirkan, maka janin tidak mendapat apa-apa. Untuk menjaga hak janin dari harta pusaka agar tidak dihabiskan oleh ahli-ahli waris lainnya, syarak telah menetapkan peraturan berkenaan penyimpanan harta pusaka bagi pihak janin sehingga ia lahir.¹⁶ Kedudukan janin berbeza-beza keadaannya; sama ada adakah ia termasuk sebagai ahli waris atau bukan, dan adakah ia seorang lelaki ataupun perempuan. Apabila anak dalam kandungan ini terhalang daripada mewarisi, maka tidak ada permasalahan dalam pembahagian harta pusaka. Jika janin seorang sahaja sebagai ahli waris atau ada

¹⁴ Abdul Rashid HJ. Abdul latif (1997) *Undang-undang Pusaka dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi dan Al Hidayah Publisher, h. 73

¹⁵ Hadith ini daripada Sufyan daripada Abū al-Zubayr daripada Jābir dan diriwayatkan oleh al-Nasāi dan dinyatakan sahih oleh Ibnu Ḥibbān dan al-Ḥakim. Lihat; ‘Umar bin ‘Alī Bin Aḥmad al-Andalūsī (1406 H.), *Tuḥfat al-Muḥtāj*, Makkah: Dār Ḥirā’, j.1, h 604

¹⁶ Muḥammad Bakar Ismāīl (1997), *op.cit.*, h. 142.

bersamanya ahli-ahli waris yang lain tetapi kesemuanya terdinding (*mahjūb*) olehnya, maka seluruh harta pusaka akan tertahan sehingga janin dilahirkan. Apabila ia lahir hidup, ia akan mengambil seluruh harta, dan apabila ia meninggal, maka harta yang tertahan dibahagikan kepada ahli waris lainnya. Apabila janin sama ada lelaki mahupun perempuan sebagai ahli waris dan bersamanya ahli waris lain yang tidak terhalang olehnya dan janin tidak merubah bahagian pusaka ahli-ahli waris selainnya, bolehlah masing-masing mengambil bahagiannya dan bahagian janin disimpan sehingga ia lahir. Umpamanya, si mati meninggalkan seorang isteri yang sedang mengandung, maka bahagian isteri tidak akan berubah dengan kelahiran anaknya sama ada lelaki atau perempuan.¹⁷ Dan apabila bahagian pusaka janin berubah-ubah mengikut jantinya, maka masing-masing ahli waris mengambil bahagian yang terendah dan kepada janin disimpan kadar yang tertinggi. Umpamanya, si mati tersebut meninggalkan bapa, ibu, isteri yang sedang mengandung dan juga anak perempuan. Pertama, harta dihitung sesuai dengan *farā'id* bahawa janin itu lelaki, maka bahagian ayah $\frac{1}{6}$ ($\frac{4}{24}$), ibu $\frac{1}{6}$ ($\frac{4}{24}$), isteri $\frac{1}{8}$ ($\frac{3}{24}$), sisanya $\frac{13}{24}$ untuk anak perempuan dan anak lelaki 1:2, dengan demikian bahagian anak lelaki setelah ditashih adalah $\frac{26}{72}$. Kemudian, dihitung sesuai dengan *farā'id* anak perempuan, maka bahagian ayah $\frac{1}{6}$ ($\frac{4}{24}$), ibu $\frac{1}{6}$ ($\frac{4}{24}$), isteri $\frac{1}{8}$ ($\frac{3}{24}$), dua anak perempuan $\frac{2}{3}$ ($\frac{16}{24}$) di-*aulkan* menjadi 27, jadi bahagian janin adalah $\frac{8}{27}$. Dari perumpamaan ini, jelas bahawa menyimpan kadar *farā'id* dengan andaian janin itu anak lelaki adalah lebih baik kerana ia merupakan bahagian yang terbanyak. Akan tetapi, jika ternyata yang lahir adalah anak perempuan, dan kadar yang

¹⁷ Wahbah Zuhaylī (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 414.

disimpan melebihi bahagian yang harus diterimanya, maka baki harta dikembalikan kepada ahli waris masing-masing sesuai dengan bahagiannya.¹⁸

Ketiga, mengetahui golongan ahli waris, dan tidak ada halangan untuk mewaris. Sebelum pembahagian harta pusaka, mestilah diketahui terlebih dahulu sama ada ahli waris itu dari golongan keluarga sedarah, atau kerana ikatan perkahwinan ataupun sebab yang lain, sehingga ia memudahkan proses penentuan pembahagiannya kepada ahli waris. Besar kecilnya bahagian akan berbeza apabila sebab hubungan ahli waris dan pewaris berbeza. Selanjutnya, mestilah dipastikan bahawa tidak ada halangan yang menjadi penghalang untuk mewaris.¹⁹

2.5 Halangan-halangan Pewarisan (*mawāni' al-Irth*)

Yang dimaksud dengan penghalang mempusakai ialah: Perbuatan dan hal-hal yang dikerjakan seseorang yang kerananya dapat menggugurkan hak untuk dapat mempusakai dengan adanya sebab-sebab dan syarat-syarat mempusakai. Contohnya, apabila seorang suami telah membunuh isterinya. Perbuatan membunuh ini menyebabkan gugurnya hak untuk mempusakai harta yang ditinggalkan isterinya, walaupun ada sebab dan syarat yang sah iaitu si pembunuh merupakan suami sah wanita tersebut, dan dia juga hidup ketika isterinya meninggal dunia. Seandainya dia tidak membunuh isterinya, maka dia berhak ke atas harta yang ditinggalkan isterinya. Misalnya, tujuan membunuh tersebut adalah untuk mempercepat mendapatkan harta

¹⁸ *Ibid.*, j. 8, h. 415.

¹⁹ Muḥammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 81.

orang yang dibunuh. Maka, sebagai hukumannya, pembunuh tidak boleh mendapatkan bahagian dari harta pusaka.

Para ahli waris yang kehilangan hak-hak untuk mempusakai disebabkan adanya satu atau lebih penghalang-penghalang mempusakai disebut *mahrūm*. Adapun, apabila seseorang tidak dapat menerima harta pusaka disebabkan hal lain yang bukan termasuk *mawāni' al- Irth* disebut *mahjūb*. Misalnya, pewaris meninggalkan anak lelaki dan juga saudara. Saudara di sini adalah termasuk ahli waris kerana ada sebab untuk mempusakai, akan tetapi saudara tidak boleh mempusakai bersama dengan anak lelaki tersebut, kerana anak lelaki lebih dikedepankan daripada saudara kerana hubungan anak adalah lebih dekat kepada pewaris. Dengan demikian, saudara terdinding (*mahjūb*) dari mewaris dengan adanya anak lelaki dan bukan terhalang.²⁰

Penghalang dari mempusakai ada empat sebab:

- i. Perhambaan
- ii. Pembunuhan
- iii. Perbezaan agama
- iv. Perbezaan negara

Hamba, pembunuhan, dan juga berlainan agama merupakan jenis pengkalang yang telah disepakati oleh para *fuqahā'*. Manakala berlainan negara sebagai penghalang untuk mempusakai, ia masih diperselisihkan sehingga kini.

²⁰ Wahbah Zuhaylī (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 254.

Pertama: Perhambaan

Seorang hamba dan apa sahaja yang ia miliki adalah kepunyaan tuannya. Disebabkan itu, seorang hamba tidak berhak mendapatkan harta pusaka, dan tidak pula boleh menjadi orang yang meninggalkan harta untuk dipusakai sehinggalah ia merdeka.²¹ Allah s.w.t. berfirman:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ شَيْءٍ

“Allah membuat perumpamaan dengan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat bertindak terhadap sesuatu pun”. (Surah al-Nahl :75)

Mafhum ayat tersebut menjelaskan bahawa seorang hamba itu tidak boleh untuk menguruskan hak milik kebendaan dengan cara apa sahaja. Dalam masalah pusaka mempusakai, terjadi keadaan di mana satu pihak melepaskan hak milik kebendaan dan di satu pihak yang lain menerima hak milik kebendaan.

Oleh kerana itu, terhalangnya seorang hamba dari pusaka mempusakai dapat dilihat dari dua sisi :

1. Mempusakai harta peninggalan dari ahli warisnya.

Seorang hamba tidak dapat mempusakai harta peninggalan ahli warisnya disebabkan: Dia dikira tidak boleh menguruskan harta miliknya. Andaikata ia diberi bahagian harta pusaka dari kerabatnya yang telah meninggal dunia, maka secara hukumnya harta pusaka yang telah diterimanya itu akan jatuh ke tangan tuan yang memilikinya. Selain daripada itu, status kekeluargaannya dengan ahli keluarganya yang lain sudah putus dan dia dikira menjadi keluarga asing (bukan lagi keluarganya). Sedangkan sudah menjadi

²¹ Zakariyā bin Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyā al-Anṣārī Abū Yaḥyā (1418H), *Fatḥ al-Wahhāb*, Bairut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jilid. 2, h. 14.

keputusan yang disepakati di antara para *fuqahā'* bahawa memusakakan harta kepada orang asing itu dikira batal.

2. Mempusakakan harta peninggalan kepada ahli warisnya.

Dia tidak dapat memusakakan harta peninggalannya seandainya dia meninggal dunia (dalam keadaan mempunyai harta peninggalan kepada ahli warisnya sendiri). Ini kerana, sebenarnya dia dikira miskin dan tidak mempunyai harta peninggalan sedikitpun.²²

Kedua: Pembunuhan

Para *fuqahā'* bersepatat bahawa pembunuhan adalah termasuk perbuatan yang boleh menghalang untuk dapat mempusakai harta. Maka, orang yang membunuh tidak boleh mempusakai harta orang yang dibunuhnya. Ini terkecuali jika membunuh itu disebabkan sesuatu kebenaran seperti membunuh untuk menjalankan hukum hudud atau qisas, maka ia tidak menghalangi daripada pewarisan.²³ Rasullallah bersabda :

و من قتل قتيلا فإنه لا يرثه وإن لم يكن له وارث غيره وإن كان له والده أو ولده
فليس للقاتل ميراث

"Barang siapa membunuh seorang korban, maka ia tidak dapat mempusakainya, walaupun si korban tidak mempunyai pewaris selainnya, dan jika si mangsa itu bapanya atau anaknya, maka bagi pembunuh tidak berhak menerima harta peninggalan".²⁴

Begitu juga ijma', para sahabat menyebutkan bahawa Sayyidina 'Umar r.a. pernah memutuskan untuk memberikan *diyah* Ibnu Qatādah kepada saudaranya, bukan kepada ayahnya yang telah ia bunuh. Sebab jikalau diberikan kepada ayahnya, tentu ia menuntut

²² Wahbah Zuḥaylī(1985), *op.cit.*, j. 8, h. 258.

²³ Abd. Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah al- Muqdisī (t.t), *'Umdat al-Fiqh*, Ṭāif: Dār al-Sunnah, jilid 1, h. 80.

²⁴ Bayhaqī, Aḥmad bin al- Ḥusaynī bin 'Alī bin Mūsā Abu Bakar al- (1994), *Sunan Bayhaqī al-Kubrā*, Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, j. 8, h. 220.

sebahagian sebagai ahli waris. Berita ini sangat terkenal di kalangan para sahabat, dan tidak seorang pun yang membantah.²⁵

Syarat-syarat pembunuhan yang menghalangi daripada pewarisan:

1. Hendaklah pembunuhan itu disebabkan permusuhan.
2. Pembunuh itu orang yang bertanggung jawab, baligh dan aqil.
3. Tidak dalam keadaan mempertahankan diri untuk melindungi jiwa dan harta.
4. Membunuh tanpa alasan.²⁶

Rahsia dan hikmah di sebalik semua itu adalah bahawa pembunuhan merupakan perbuatan yang amat keji. Pembunuhan itu dilakukan sebagai jalan pintas untuk segera memiliki dan menguasai harta yang ditinggalkan oleh orang yang dibunuh. Sebagai balasannya, pembunuh tidak dibenarkan memperolehi harta pusaka dari orang yang dibunuhnya. Membunuh juga adalah suatu perbuatan yang sangat dibenci sedangkan pusaka pula adalah suatu kenikmatan, dan tidak ada dalam mana-mana syariat Islam bahawa perbuatan jahat dapat mendatangkan kenikmatan.²⁷

Walaupun para *fuqahā'* bersepakat bahawa pembunuhan merupakan penghalang untuk mempusakai, akan tetapi mereka berselisih pendapat tentang bagaimanakah bentuk pembunuhan yang menjadi penghalang untuk mewarisi. Mazhab *Hanafiyyah* berpandangan bahawa pembunuhan yang menjadi penghalang untuk mempusakai adalah

²⁵ Fatchur Rahman *op.cit.*, h. 186.

²⁶ Muhammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 81.

²⁷ *Ibid.*, h. 89.

pembunuhan yang mewajibkan *qisās* atau *kaffārah*.²⁸ Ini mencakupi empat jenis pembunuhan:

- a. Pembunuhan yang dilakukan secara sengaja. Iaitu seseorang yang secara sengaja membunuh orang lain dengan alat-alat yang boleh menyebabkan kematian, seperti senjata tajam, kayu yang besar, bahan letupan dan sebagainya.²⁹ Allah berfirman:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh". (Surah al-Baqarah: 178)

Untuk boleh dikatakan sebagai pembunuhan secara sengaja, ia mestilah mematuhi empat perkara berikut iaitu kesengajaan memukul, dengan alat yang boleh menyebabkan kematian yang tidak dibenarkan oleh syarak, dan yang terakhir hendaklah orang yang melakukannya adalah seorang mukallaf. *Hanafiyah* dalam hal ini mengecualikan apabila seorang ayah membunuh anaknya dengan sengaja. Ini termasuk penghalang untuk mempusakai walaupun tidak diwajibkan *qisās*.³⁰ Ini kerana, sebenarnya pembunuhan seperti ini mewajibkan *qisās* tetapi ia gugur dengan Sabda Nabi:

لا تقام الحدود في المساجد ولا يقتل الوالد با الولد

"Tidak boleh melaksanakan hudud di Masjid, dan seorang ayah tidak dibunuh (qisās) kerana telah membunuh anaknya".³¹

²⁸ Wahbah Zuhayli (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 260.

²⁹ *Ibid*, h. 260.

³⁰ *Ibid*, h. 261.

³¹ Hadith ini daripada Abd. Allāh bin ‘Abbās dikeluarkan oleh al-Turmudhī, ibn Majah, al-Bazzār, al-Hākim dan al-Dāruqutnī. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.* j. 8. h 39.

- b. Serupa sengaja (*Syibh al-'Amdī*). Iaitu kesengajaan seseorang memukul orang lain dengan alat yang tidak mematikan seperti kayu kecil dan sebagainya yang sebenarnya tidak mematikan. Perbezaan antara pembunuhan sengaja dan tidak sengaja terletak pada alat yang digunakan. Pembunuhan ini tidak bersangsi *qiṣāṣ* akan tetapi bersangsi *kaffārah* (membayar denda).³² Allah berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً ۖ وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَّدَّقُوا ۚ فَإِنْ كَانَ
مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ
قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فِدْيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ ۖ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ
فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا

حَكِيمًا

Ertinya; Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali kerana tersalah (tidak sengaja), dan barangsiapa membunuh seorang mukmin kerana tersalah (hendaklah) ia memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh itu), kecuali jika mereka (keluarga si mati) bersedekah. Jika ia (si terbunuh) dari kaum (kafir) yang ada perjanjian (damai) antara mereka dengan kamu, maka (hendaklah si pembunuh) membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh) serta memerdekakan hamba sahaya yang beriman. Barangsiapa yang tidak memperolehnya, maka hendaklah ia (si pembunuh) berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat dari pada Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Surah al-Nisā': 92)

³² Wahbah Zuhaylī (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 261.

- c. Pembunuhan yang tidak sengaja dan silap. Maksudnya seseorang membunuh tanpa sengaja untuk membunuh. Kesilapan ini boleh terletak pada niatnya, umpamanya seorang pemburu menembak bayang-bayang yang disangka seekor haiwan. Kemudian, ia mati dan setelah diperiksa ternyata mangsa tersebut adalah seorang manusia, bukannya seekor haiwan buruan. Kesilapan itu boleh juga terletak pada perbuatan, seperti seseorang yang berniat memanah burung tetapi tersasar lalu terkena manusia, kemudian manusia tersebut meninggal dunia. Juga seperti seorang yang jatuh dari tempat yang tinggi dan telah terjatuh ke atas orang yang berada di bawahnya, kemudian orang itu akhirnya mati.

Adapun pembunuhan yang tidak membawa hukuman *qisās* atau *kaffārah* tidak menghalangi untuk mempusakai. Umpamanya pembunuhan yang dilakukan oleh orang yang tidak mukallaf, pembunuhan secara tidak langsung walaupun sengaja, pembunuhan dengan *'udhur*, dan pembunuhan kerana hak.³³

Kalangan ulama al-Shāfi'iyah berpendapat bahawa semua pembunuhan sama ada ianya sengaja atau silap, dan sama ada pembunuhan secara hak atau tidak, dapat menghalangi untuk mewaris. Ini kerana, mereka menjadikan asbab pengharamannya adalah kerana membunuh, walau apapun bentuk dan kaedahnya.³⁴

³³ *Ibid.*, h. 261.

³⁴ Muḥammad bin Yūsuf bin Abī Qāsim al-'Abdarī Abū 'Abdillāh (1398H), *Al-Tāj Wa al-Iklīl*, Bairut: Dar al-Fikr, j. 6, h. 422.

Hanābilah berpandangan bahawa setiap pembunuhan yang dibebani sangsi *qiṣās*, *kaffārah diyah*, dan ganti rugi adalah penghalang untuk mempusakai. Dengan demikian, pembunuhan secara tidak sengaja/silap menjadi penghalang untuk mempusakai, seperti mana dengan pembunuhan secara sengaja.³⁵

Mālikiyyah berpendapat, pembunuhan yang menghalangi untuk mempusakai adalah yang sengaja dan kerana permusuhan, dengan apapun caranya. Sedangkan pembunuhan kerana silap adalah tidak termasuk pembunuhan yang menjadi penghalang mempusakai.³⁶ Ini kerana, menurut Imam Malik, yang diambil kira dalam pembunuhan itu ada dua hal iaitu pertama, niat dan yang kedua adalah permusuhan.³⁷

Hikmah kenapa pembunuhan adalah salah satu dari penghalang untuk mempusakai harta di antaranya adalah; Mempusakakan harta peninggalan kepada keluarga yang masih hidup adalah berfungsi sebagai pengganti untuk mencurahkan rasa kasih sayang, yang mana kemungkinan hal itu belum sempat dilaksanakan oleh orang yang mempusakakan semasa ia masih hidup. Ia juga sebagai kaedah untuk menyambung tali kekeluargaan yang telah terputus akibat berlakunya peristiwa kematian, atau sebagai bantuan kewangan serta limpahan manfaat kebendaan. Justeru, ahli waris yang bertindak jahat membunuh kerabatnya sama ada secara sengaja ataupun dengan sebab-sebab yang lain tanpa alasan telah menyebabkan terputusnya tali hubungan kekeluargaan. Ahli keluarga si mati juga akan berasa sangat pilu dan sedih, sedangkan sebagai ahli satu keluarga, hendaklah saling memelihara darahnya, nyawanya juga dikukuhkan ikatan

³⁵ Wahbah Zuḥaylī (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 262.

³⁶ *Ibid.*, j. 8, h. 264.

³⁷ Muhammad Abu Zahrah(1963), *op.cit.*, h. 91.

kekerabatannya. Apatah lagi sekiranya tindakan pembunuhan tersebut dilakukan kerana kemahuan untuk memperoleh harta peninggalan secara mudah dan cepat. Oleh sebab itu, adalah sangat logik dan tepat sekiranya syariat tidak membenarkan seseorang yang berusaha mencapai sesuatu tujuan dengan cara melalui jalan-jalan yang dapat menimbulkan kemudharatan bagi orang lain. Oleh yang demikian, mempusakai dengan jalan yang keji ini adalah dilarang sama sekali. Bukankah pembunuhan itu juga memutuskan tali perwalian, padahal perwalian itu menjadi dasar adanya pusaka mempusakai? Secara tidak sedar, mempusakai dengan cara membunuh orang yang bakal mewariskan harta peninggalannya menyebabkan orang lain tutur terdidik agar melakukan tindakan yang sama dan tindakan pembunuhan itu menyebarkan benih kehancuran di muka bumi yang tidak diredhai oleh Allah,³⁸ sepertimana dalam firmanNya:

والله لا يحب الفساد

Maksudnya; “*Sedang Allah tidak menyukai kerosakan*”. (Surah al-Baqarah: 205)

Ketiga : Berbeza Agama

Berlainan agama maksudnya ketidak samaan agama yang dianut oleh pewaris dan ahli waris. Maka seorang kafir tidak boleh mewaris daripada orang Muslim dan begitu juga orang Muslim dari orang kafir. Sebagai contohnya, ahli waris tersebut bukan seorang Muslim (sama ada beragama Kristian/Yahudi), sedangkan pewaris tersebut adalah seorang Muslim. Maka, di antara mereka tidak boleh saling mempusakai.³⁹

³⁸ Fatchur Rahman, *op.cit.*, h. 95.

³⁹ Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī Abū Ḥāmid (1417 H.), *Al-Wasīṭ*, Kaheerah: Dār al-Salām, j. 4, h. 360.

Tidak boleh saling mewarisi di antara Muslim dan kafir walaupun di antara mereka ada ikatan nasab ataupun ikatan perkahwinan.⁴⁰ Secara logik, pusaka mempusakai merupakan alat penghubung untuk mempertemukan ahli waris dengan orang yang mempusakakan disebabkan adanya kekuasaan perwalian dan adanya jalinan rasa tolong-menolong antara keduanya. Oleh kerana keduanya terdapat perbezaan-perbezaan dalam hak kebendaan, seperti hak untuk memiliki, menguasainya, dan membelanjakannya sebagaimana diatur menurut agama mereka masing-masing, maka menurut hukumnya, kekuasaan perwalian antara mereka telah tidak wujud lagi. Ini adalah pendapat sebahagian besar para *fuqahā'*. Sebahagian sahabat di antaranya Mu'ādh bin Jabal dan Mu'āwiyah bin Abū Sufyān pula berpendapat bahawa perbezaan agama menghalang untuk mempusakai bagi bukan Muslim dari orang Muslim. Sedangkan orang Muslim tidak dilarang untuk mempusakai dari keluarganya yang bukan Muslim. Umpamanya, seorang ayah mati (kafir) meninggalkan anak (Muslim), maka anaknya boleh mewarisi harta peninggalan ayahnya.⁴¹ Mereka yang mengambil pendapat ini berpegangan dengan ḥadīth nabi

الاسلام يعلو ولا يعلى عليه (رواه الدار قطنی)

Maksudnya; *Islam itu tinggi dan tidak dapat diungguli ketinggiannya.*⁴²

Menurut mereka kerana tingginya darjat Islam inilah sehingga seorang Muslim dapat mempusakai harta peninggalan dari orang bukan Muslim.

⁴⁰ Sila rujuk hadith berkenaan larangan saling mempusakai kerana perbezaan agama pada halaman 45.

⁴¹ Muḥammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 88.

⁴² Ḥadīth ini dikeluarkan oleh al-Ṭabrānī dalam *al-Awsaṭ*, al-Bayhaqī dalam *al-Dalā'il* daripada ḥadīth 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Dikeluarkan juga oleh al-Dāruqutnī daripada ḥadīth 'Āidh bin 'Amr, dan dikeluarkan oleh bin Sahl di dalam *Tārīkh Wasīṭ* daripada ḥadīth Mu'ādh bin Jabal. Lihat Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (t.t), *Op.cit.*, j. 2, h. 66.

Begitu juga halnya dengan Murtad dan *Zindīq*. Murtad bererti keluarnya atau berpindahannya seseorang dari agama Islam kepada agama yang lain. Larangan orang murtad untuk mendapat harta pusaka adalah berlainan dengan larangan untuk saling pusaka mempusakai antara pewaris dan ahli waris yang berbeza agama. Ini kerana, murtad adalah lebih buruk kedudukannya daripada kafir (sama ada Kristian, Yahudi atau Musyrik) kerana di antara mereka boleh saling mempusakai walaupun berbeza agama. Sedangkan orang murtad tidak boleh mempusakai dari siapa pun, bahkan dari orang murtad juga. Seperti jika suami isteri sama-sama murtad, maka di antara keduanya tidak boleh saling mempusakai jika salah seorang dari mereka meninggal dunia. Berkenaan orang Muslim, apakah mereka boleh mempusakai dari kerabatnya yang murtad atau tidak, kebanyakan ulama (Mālikī, Shāfi'ī, dan pendapat yang kuat dalam mazhab Ḥanbalī) berpendapat bahawa seorang Muslim tidak dapat mempusakai dari kerabatnya yang murtad kerana tidak ada saling mempusakai di antara muslim dan kafir. Dengan demikian harta orang murtad menjadi harta rampasan (*al-Fay'*) bagi orang Islam, sama ada hartanya itu diperoleh semasa ia Islam ataupun setelah ia murtad. Adapun menurut golongan Ḥanafī, harta orang murtad menjadi harta pusaka bagi saudaranya yang Muslim.⁴³

Zindīq pula adalah menampakkan keislaman dan menyembunyikan kekufuran dengan kata lain ia adalah munafiq. Menurut jumhur selain daripada Malikiyah, *zindiq* ini sama dengan murtad. Jadi, hartanya akan menjadi milik baitulmal. Malikiyah

⁴³ Muḥammad bin Muḥammad bin Muhammad al-Ghazālī Abū Ḥāmid, (1417H), *op.cit.*, j. 4, h. 361.

berpandangan bahawa harta yang ditinggalkan seorang *zindiq* menjadi milik warisnya jika ia menampakkan keislamannya.⁴⁴

Keempat : Perbezaan Negara

Maksud dari 'negara', iaitu suatu negara yang memiliki ketua negara, angkatan perang, dan kekuasaan sendiri. Maksud perbezaan negara ialah satu daerah tempat tinggal pewaris dan ahli waris yang berbeza dan memiliki kepala negara, kekuasaan dan angkatan perang yang tersendiri. Dalam pandangan Islam, negara ada dua bentuk:

1. Negara Islam : Negara yang tunduk pada hukum Islam.
2. Negara Kafir : Negara yang tidak tunduk pada hukum Islam.

Dengan demikian, tiap-tiap negara yang meletakkan Islam sebagai dasar pembuatan undang-undang dianggap sebagai Negara Kesatuan Islam.⁴⁵ Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa berlainan negara bagi orang Islam tidak menjadi penghalang untuk saling mempusakai, kerana negara-negara Islam dianggap sebagai satu negara walaupun tiap-tiap negara berbeza sistem pemerintahan, politik, peraturan-peraturan yang dijalankan, dan sebagainya. Larangan untuk saling mempusakai yang disebabkan perbezaan negara hanya khas bagi orang-orang bukan Islam sahaja. Maka, apabila seorang kafir mati di negara Mesir, dan ia Mempis yang tinggal di Amerika, maka tidak boleh saling mewarisi kerana mereka berbeza negara.⁴⁶

⁴⁴ Wahbah Zuhaylī (1985), *op.cit.*, j. 8, h. 266.

⁴⁵ *Ibid.*, j. 8, h. 266.

⁴⁶ Muhammad Abū Zahrah (1963), *op.cit.*, h. 82.